

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN
LESEN PERNIAGAAN, PERINDUSTRIAN DAN IKLAN
DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

Tarikh pindaan: 29 Ogos 2025

BAHAGIAN A		DITANDA OLEH PEMOHON	KEGUNAAN PETUGAS KAUNTER	
DOKUMEN UMUM YANG PERLU DILAMPIRKAN (SILA SUSUN DOKUMEN MENGIKUT SENARAI SEMAK SEPERTI DI BAWAH) :-			ADA	TIADA
1.	Borang Permohonan Lesen Komposit yang telah lengkap diisi oleh pemohon dengan bertandatangan dan cop syarikat.			
2.	Satu (1) Keping gambar berukuran pasport			
3.	Salinan Kad Pengenalan bahagian depan dan belakang. Bagi pemohon bukan warga negara Malaysia, sila kemukakan salinan Passport dan visa kerja yang disahkan oleh Jabatan Imigrisen Malaysia (JIM) . Salinan dokumen tersebut perlu dipalang dan ditulis “Urusan MBSA Sahaja” .			
4.	Salinan set dokumen lengkap Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Pertubuhan Syarikat (ROS) / Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) / Enakmen / Entiti di bawah anak syarikat kerajaan persekutuan / negeri.			
5.	Salinan bil Cukai Taksiran MBSA terkini bagi premis perniagaan yang dipohon.			
6.	Salinan Perjanjian Sewaan premis yang terkini (<i>Tenancy Agreement</i>) atau Perjanjian Jual Beli (<i>Sale & Purchase</i>) Bangunan yang telah di setem Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) .			
7.	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) atau Sijil Siap Dan Pematuhan (Borang F).			
8.	Gambar Premis Semasa (Pandangan Hadapan, Belakang, Dalam dan Sisi).			
9.	Pelan Lokasi Premis (jika menggunakan <i>Google maps</i> perlu ditandakan lokasi premis).			
10.	Pelan Lantai Premis Terkini (dengan ukuran dalam meter persegi).			
11.	Salinan Surat Kelulusan Permit Binaan Sementara (<i>Partition</i>)/ Tambahan Pindaan. (Sekiranya ada tambahan pindaan, jika tiada tambahan pindaan sila tulis TB/ Tidak Berkaitan) : 1) Kedai Pejabat / Rumah Kedai / Kilang Teres / Kilang Berkembar / Kilang Sesebuah Perlu mendapatkan kelulusan Permit Binaan Sementara bagi Dinding Sesekat (<i>Partition</i>) dan Bumbung Sengkuap (<i>Awning</i>), Memecah Dinding pemisah (<i>partywall</i>) / Kabin menggunakan Buku Pelan Setara (<i>Standard Plan</i>) atau melalui Pelan Perunding. Sila berurusan di Kaunter Jabatan Bangunan, di Gerbang Perkhidmatan Shah Alam (GPSA) Tingkat G (Lif A), Wisma MBSA. 2) Kilang teres / Kilang Berkembar / Kilang Sesebuah Perlu mengemukakan pelan tambahan pindaan ke Bahagian Pusat Setempat (OSC) bagi tambahan dinding sesekat (<i>Partition</i>)/ tambahan bumbung (<i>Shed</i>)/ tambahan pindaan (ruang) pada bahagian hadapan, sisi dan belakang. Sila berurusan di Kaunter Bahagian Pusat Setempat (OSC), di Gerbang Perkhidmatan Shah Alam (GPSA) Tingkat G (Lif A), Wisma MBSA.			
12.	Sekiranya ada menggunakan papan tanda iklan perniagaan, sila kemukakan salinan lakaran visual iklan berserta ukuran di dalam meter atau kaki dan gambar lokasi pemasangan papan iklan serta surat pengesahan yang telah disahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sila rujuk Bahagian C dari No. 1 hingga 10.			
13.	Sekiranya pemilik mewakili syarikat atau individu untuk menguruskan permohonan lesen, sila lampirkan surat rasmi syarikat yang mempunyai kepala surat yang ditandatangani oleh pengarah atau pemilik syarikat.			

BAHAGIAN B		DITANDA OLEH PEMOHON	KEGUNAAN PETUGAS KAUNTER	
DOKUMEN SOKONGAN DARI AGENSI LUAR YANG PERLU DILAMPIRKAN SEKIRANYA BERKAITAN DENGAN AKTIVITI LESEN YANG DIPOHON			ADA	TIADA
1.	Aktiviti Memproses / Menyimpan / Mengeluarkan Bahan Merbahaya / Mudah Terbakar Salinan Surat kebenaran daripada :- i. Jabatan Alam Sekitar (JAS) – pelepasan efluen daripada aktiviti premis ii. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia – Bahan mudah terbakar, bahan petroleum / solvent / LPG - Nota : Jabatan KPDN- Lesen Mengilang dan Memborong Petrol / Diesel / Gas Petroleum Cecair (LPG)/ Kerosin dan Baja Kimia dikeluarkan setelah mendapat Lesen Pihak Berkuasa Tempatan/ Majlis. iii. Lembaga Pelesenan Atomik – Bahan radioaktif			
2.	Aktiviti Menyimpan Senjata Api / Bahan Letupan Salinan surat kelulusan dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis DiRaja Malaysia.			
3.	Aktiviti Pusat Siber / Kafe Siber, Industri Barang Lusuh, Kereta Terpakai dan Alat Ganti Terpakai. Salinan surat ulasan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).			
4.	Aktiviti menjual / menyimpan minuman keras Salinan Lesen Pejabat Daerah dan Tanah Klang / Petaling.			
5.	Aktiviti pusat video / menyimpan / mengedar / menjual VCD-DVD Salinan Surat Kelulusan dari Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) / Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Pendaftaran dengan <i>Music Authors Copyright Protection</i> (MACP).			
6.	Aktiviti Ternakan Haiwan Salinan surat kelulusan Jabatan Perhilitan.			
7.	Aktiviti Kutipan / Buang Sampah Salinan surat kelulusan / pengesahan daripada Jabatan Kebersihan Awam dan Kelestarian Sisa, MBSA.			
8.	Aktiviti Taska / Pusat Jagaan Salinan surat kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terkini.			
9.	Aktiviti Tadika / Pusat Mengajar / Pusat Tuisyen Salinan surat kelulusan Jabatan Pendidikan yang terkini. Salinan surat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) terkini bagi Tadika / Taska / Taski / Pusat Jagaan (Premis Kediaman sahaja). (Kecuali tapak / bangunan Khas untuk Tadika / Taska / Pusat Jagaan) terkini.			
10.	Aktiviti Farmasi Salinan Perakuan Ahli Farmasi dan <i>Pharmacists Poisons License</i> jika ada menjual barangan yang dikategorikan sebagai racun yang terkini.			
11.	Aktiviti Pengurup wang Berlesen Salinan lesen daripada Jabatan Kawalan Pertukaran Wang, Bank Negara Malaysia terkini.			
12.	Aktiviti Pemberi Pinjaman Wang Berlesen / Kredit Komuniti/ Pajak Gadai/ Salinan lesen daripada Bahagian Perlesenan dan Khidmat Nasihat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terkini.			
13.	Agensi Pelancongan Salinan lesen dari Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia(MOTAC) terkini.			
14.	Aktiviti Dobi Salinan kelulusan memasang gas / elektrik dari Suruhanjaya Tenaga terkini.			
15.	Aktiviti Pasar Mini / Kedai runcit Salinan laporan perkhidmatan kawalan makhluk perosak (<i>pest control</i> yang terkini) dan sijil kawalan makhluk perosak (<i>pest control</i>). Sila rujuk Jabatan Kesihatan Persekitaran di tingkat 17 (Lif A), Wisma MBSA (jika terdapat sebarang pertanyaan).			
16.	Lain-lain aktiviti yang memerlukan pengesahan / kelulusan agensi berkaitan : -----			

SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN PAPAN IKLAN (PERNIAGAAN / PERINDUSTRIAN)

BAHAGIAN C DOKUMEN DAN SYARAT UMUM PERMOHONAN LESEN PAPAN IKLAN DEPAN PREMIS (SIGNBOARD)		DITANDA OLEH PEMOHON	KEGUNAAN PETUGAS KAUNTER	
			ADA	TIADA
1.	Aktiviti Syarikat hendaklah dinyatakan dalam Bahasa Malaysia dan saiz tulisan hendaklah 5% lebih besar daripada nama syarikat dan berkedudukan di atas nama syarikat . (Rujuk Lampiran 1)			
2.	Gambar lokasi pemasangan papan iklan mengikut pelan lokasi yang dinyatakan.			
3.	Maklumat lakaran papan iklan hendaklah dilengkapi dengan maklumat-maklumat seperti berikut: i. Aktiviti syarikat; ii. Nama syarikat yang berdaftar dengan SSM; iii. Alamat syarikat; iv. Ukuran papan iklan; v. Ukuran perkataan; vi. Jenis iklan BERCAHAYA ATAU TIDAK BERCAHAYA .			
4.	Pemohon perlu mendapatkan pengesahan penggunaan bahasa bagi visual iklan dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Sila hubungi DBP di talian 03-2147 9108/9/10 atau layari http://dbpsahbahasa.my untuk maklumat lanjut.			
5.	Papan iklan yang dipasang hendaklah tidak menghalang struktur bertingkap dan berkaca .			
6.	Perlu mendapatkan ulasan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekiranya memasang iklan bersaiz besar (jika perlu) dan/ atau menutup tingkap .			
7.	Papan iklan yang dipasang mestilah tidak melepasi bumbung bangunan .			
8.	Struktur iklan hendaklah mendapatkan kelulusan Jurutera bertauliah @ berdaftar.			
9.	Sila rujuk Lampiran 1 untuk contoh papan iklan perniagaan/ perindustrian dan papan tanda tadika / taska / taski/ pusat jagaan di premis kediaman. Hanya 1 unit sahaja dibenarkan .			
10.	Sila rujuk Lampiran 2 , Surat Kebenaran Jiran jika terdapat iklan 2 muka di sisi/ tepi premis bangunan (jika berkenaan). Lengkapkan surat beserta cop syarikat jiran yang berkenaan.			


CONTOH 1

LAKARAN PAPAN IKLAN PERNIAGAAN/ PERINDUSTRIAN



CONTOH 2

LAKARAN PAPAN TANDA TADIKA / TASKA / TASKI/ PUSAT JAGAAN DI PREMIS KEDIAMAN



BORANG KEBENARAN JIRAN

Pengarah Pelesenan
Majlis Bandaraya Shah Alam,
Tingkat 13, Wisma MBSA,
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor.

Tarikh:

Tuan,

KEBENARAN JIRAN BAGI PEMASANGAN PAPAN IKLAN (2 MUKA) DI SISI/ TEPI PREMIS BANGUNAN

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa saya
yang beralamat di
.....
merupakan jiran atas / kiri / kanan kepada pemohon
.....

3. Saya dengan ini faham dan akur kepada syarat-syarat serta keperluan pemasangan papan iklan (2 muka) di premis bangunan. Sehubungan dengan itu, saya tidak mempunyai apa-apa halangan sekiranya jiran saya memasang papan iklan (2 muka) di sisi/ tepi premis bangunan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

(Tandatangan)

Nama Jiran :
No. Kad Pengenalan :
No. Telefon Bimbit :
No. Telefon Premis :
Tarikh :

**** Sila potong mana-mana yang tidak berkenaan.**